| Keempat | Orang yang dilindungi akan menderma sebahagian daripada sumbangan mereka melalui akaun peserta ke dalam dana tabarru' peserta untuk memenuhi tujuan takaful. |

LAMPIRAN GBFT003

Peruntukan am

1. Takrifan

1.1 Di dalam kontrak ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:

- a) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
- b) **Anda** bermaksud pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.
- c) **Kontrak** bermaksud dokumen kontrak ini termasuk sijil takaful dan sebarang penyata kepada pemeriksa perubatan atau paramedik kami, soal selidik, pengendorsan atau pindaan bertulis.
- d) **Ulang tahun sijil** bermaksud ulang tahun tarikh permulaan sijil.
- e) **Tarikh permulaan sijil** bermaksud tarikh sijil bermula seperti yang tertera di dalam sijil takaful. Tarikh ini adalah tarikh yang mana perlindungan bermula.
- f) **Sijil takaful** bermaksud sijil individu yang dikeluarkan kepada setiap orang yang dilindungi sebagai bukti perlindungan.
- g) **Orang yang dilindungi** bermaksud seseorang yang dilindungi sebagaimana yang dinamakan dalam sijil takaful.
- h) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh permulaan sijil, yang mana:
 - i) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telahpun didapatkan atau diterima;
 - ii) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - iii) kewujudannya telah diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis didapatkan atau diterima.
- i) **Akaun peserta** bermaksud dana pegangan bagi sumbangan di bawah pelan ini, diuruskan sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
- j) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' akan dikreditkan ke dalam, sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
- k) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.
- l) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi. Kami akan menentukan jumlah tersebut berdasarkan formula yang dinyatakan dalam lampiran GBFT010.

- m) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku TPD ke atas orang yang dilindungi. Ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian atau jumlah permulaan TPD yang dilindungi (seperti yang tertera di dalam sijil takaful), yang mana lebih rendah.
- n) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh Jawatankuasa Syariah.
- o) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang dibentuk oleh kami untuk memberi nasihat operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Syariah.
- p) **Jumlah berisiko untuk manfaat kematian** adalah perbezaan di antara jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian dan nilai akaun peserta. Jika nilai akaun peserta adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, jumlah berisiko untuk manfaat kematian akan menjadi sifar.
- q) **Jumlah berisiko untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** adalah jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD atau jumlah berisiko untuk manfaat kematian, yang mana lebih rendah.
- r) **Nilai akaun peserta** bermaksud nilai di dalam akaun peserta yang ditentukan sebagai sumbangan bagi orang yang dilindungi, tolak sebarang yuran wakalah, ditambah atau dikurang oleh sebarang keuntungan atau kerugian keuntungan pelaburan yang diagaihan daripada akaun peserta, dan lebihan yang diagaihan daripada dana tabarru' peserta, tolak sebarang potongan tabarru'.

2. Kontrak induk

- 2.1 Kami bergantung kepada kebenaran kenyataan yang dibuat dalam permohonan, pengakuan, kenyataan peribadi dan sebarang kenyataan yang dibuat kepada kami, ejen, kakitangan dan/atau pemeriksa perubatan atau paramedik, pengendorsan atau pindaan-pindaan bertulis
- 2.2 Peruntukan-peruntukan dan pengendorsan di dalam kontrak ini, jadual kontrak, sijil takaful, lampiran, sebarang penambahan, permohonan, kenyataan peribadi, butiran perubatan dan pengakuan yang telah dibuat oleh anda dan orang yang dilindungi (jika selain daripada anda) membentuk asas kontrak ini.

3. Kelayakan

- 3.1 Orang yang layak untuk kontrak ini adalah pemohon pembiayaan/pinjaman perniagaan bagi pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.
- 3.2 Ahli-ahli yang layak bagi pemegang kontrak induk perlu melengkapkan borang permohonan yang akan dikemukakan kepada kami. Kami boleh menerima atau menolak sebarang permohonan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan.

4. Tempoh perlindungan

- 4.1 Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh seperti yang tertera dalam sijil takaful.
- 4.2 Perlindungan sepenuhnya akan berkuatkuasa dari tarikh penerimaan pengunderaitan orang yang dilindungi, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan atau klausa-klausa kontrak ini.
- 4.3 Sebelum tarikh penerimaan pengunderaitan, hanya perlindungan ke atas kematian disebabkan oleh kemalangan atau TPD disebabkan oleh kemalangan, sehingga maksimum RM250,000 atau jumlah yang dilindungi berkuatkuasa, yang mana lebih rendah, akan dibayar dalam keadaan di mana kematian atau TPD berlaku dari tarikh permohonan takaful sehingga tarikh penerimaan pengunderaitan.

5. Perubahan kepada kontrak

- 5.1 Tiada ejen atau mana-mana individu lain mempunyai kuasa untuk meminda, atau mengambil keputusan untuk tidak menguatkuasakan, sebarang peruntukan atau klausa yang terkandung di dalam kontrak ini, kecuali apabila pengendorsan kontrak dikeluarkan dan ditandatangani oleh pegawai kami yang diberi kuasa.

6. Tempoh semakan percuma (tempoh pembatalan)

- 6.1 Dalam masa 15 hari selepas sijil takaful dihantar, orang yang dilindungi boleh membatalkan sijil takaful dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dan mengembalikan sijil takaful kepada kami.
- 6.2 Kami akan membayar balik sebarang sumbangan yang telah dibayar oleh orang yang dilindungi tanpa faedah, tolak sebarang perbelanjaan yang telah kami bayar untuk sebarang pemeriksaan perubahan.

7. Klausa perihal tidak boleh dipertikaikan (tidak mencabarkan sijil takaful)

- 7.1 Jika sijil takaful tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik sumbangan yang telah dibayar dari tarikh permulaan sijil.
- 7.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh permulaan sijil, kecuali terdapat bukti penipuan.

8. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang dilindungi

- 8.1 Kontrak ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak terjejas oleh lokasi tempat tinggalnya.

9. Hak milik

- 9.1 Anda adalah pemilik sah polisi ini.
- 9.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak ini.

10. Umur

- 10.1 Sijil takaful dikeluarkan untuk umur orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir yang diberikan semasa permohonan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 10.2 Jika umur orang yang dilindungi yang dinyatakan adalah tidak betul dan mereka masih layak untuk perlindungan takaful, kami mungkin akan membuat penyelarasan berdasarkan berikut:
- Jika sumbangan berdasarkan umur sebenar adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, kami mungkin akan mengutip sumbangan tambahan atau mengurangkan jumlah permulaan yang dilindungi yang asal; atau
 - Jika sumbangan berdasarkan umur sebenar adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya.
- 10.3 Oleh itu, kami akan mengira nilai akaun peserta dari tarikh permulaan sijil, berdasarkan sebarang perubahan sumbangan, yuran wakalah dan potongan tabarru' berdasarkan jumlah berisiko untuk manfaat kematian dan jumlah berisiko untuk manfaat TPD yang telah diselaraskan. Kami akan mengenakan atau mengkreditkan perbezaan di antara potongan tabarru' baru dengan potongan tabarru' yang telah dibuat sebelumnya ke dana tabarru' peserta mengikut mana-mana yang berkenaan. Kami juga akan menyelaraskan dana kami sejajar dengan sebarang perubahan pada yuran wakalah.
- 10.4 Jika umur orang yang dilindungi yang dinyatakan tidak betul dan mereka tidak layak untuk perlindungan takaful, kami akan menghadkan jumlah manfaat perlu dibayar dari dana tabarru' peserta kepada potongan tabarru' terkumpul, tolak sebarang lebihan terkumpul dalam dana tabarru' peserta sejak tarikh permulaan.

11. Jantina

- 11.1 Sijil takaful dikeluarkan untuk orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan jantina yang diberikan semasa permohonan.
- 11.2 Jika jantina orang yang dilindungi yang dinyatakan adalah tidak betul, kami mungkin akan membuat penyelarasan berdasarkan berikut:
- Jika sumbangan berdasarkan jantina yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, kami mungkin akan mengutip sumbangan tambahan atau mengurangkan jumlah permulaan yang dilindungi yang asal; atau
 - Jika sumbangan berdasarkan jantina yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya.
- 11.3 Oleh itu, kami akan mengira nilai akaun peserta dari tarikh permulaan sijil, berdasarkan sebarang perubahan sumbangan, yuran wakalah dan potongan tabarru' yang telah disemak semula berdasarkan jumlah berisiko untuk manfaat kematian dan jumlah berisiko untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal yang telah diselaraskan. Kami akan mengenakan atau mengkreditkan perbezaan di antara potongan tabarru' baru dengan potongan tabarru' yang telah dibuat sebelumnya ke dana tabarru' peserta mengikut mana-mana yang berkenaan. Kami juga akan menyelaraskan dana kami sejajar dengan sebarang perubahan pada yuran wakalah.

12. Nilai tunai

- 12.1 Sijil takaful akan memperoleh nilai tunai bersamaan dengan nilai akaun peserta tolak sebarang caj yang kita tetapkan bagi menyerahkan sijil takaful dan sebarang amaun tertunggak apabila sijil takaful diserahkan.

13. Penyerahan (menyerahkan sijil)

- 13.1 Untuk membatalkan atau menyerahkan sijil, orang yang dilindungi boleh menyerahkan perlindungan dengan memberi notis bertulis kepada kami, bergantung kepada persetujuan pemegang kontrak induk.
- 13.2 Nilai tunai akan dibayar. Jika kami membayar nilai tunai, kami tidak akan mempunyai tanggungjawab ke atas orang yang dilindungi di bawah sijil ini.

14. Penamatan

- 14.1 Anda atau kami boleh menamatkan kontrak ini dengan memberi 90 hari notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan berterusan sehingga akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful orang yang dilindungi masing-masing.
- 14.2 Sijil takaful akan tamat dalam keadaan yang berikut:
- a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian dan TPD seperti yang kami nyatakan dalam peruntukan-peruntukan manfaat di dalam lampiran kontrak ini;
 - b) Apabila orang yang dilindungi tidak lagi layak di bawah kontrak ini;
 - c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - d) Setelah sijil diserahkan; atau
 - e) Setelah sijil dibatalkan.

15. Undang-undang

- 15.1 Kontrak ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 15.2 Tanpa mengambilkira sebarang perbezaan yang kami mungkin nyatakan di dalam kontrak ini, sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 15.3 Kontrak ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

16. Mengingkari peruntukan-peruntukan

- 16.1 Jika sesiapa yang terlibat dengan kontrak ini mengetahui tentang, atau membenarkan sesiapa mengingkari mana-mana peruntukan kontrak ini, ia tidak bermakna peruntukan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan pada masa hadapan.
- 16.2 Tanpa mengambilkira peruntukan ini, anda dan kami boleh melaksanakan hak di bawah kontrak ini dan memastikan kedua-dua pihak mematuhi semua peruntukan yang ada.

17. Membayar manfaat

- 17.1 Kami akan membayar sebarang manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil takaful kepada pemegang kontrak induk. Pemegang kontrak induk akan mengambil kira pembayaran manfaat untuk amaun yang terhutang oleh orang yang dilindungi kepada pemegang kontrak induk terlebih dahulu. Pemegang kontrak induk akan membayar manfaat yang berlebihan dari amaun yang terhutang oleh orang yang dilindungi, jika masih hidup; atau sebaliknya kepada estat orang yang dilindungi. Apabila kami berbuat demikian, kami tidak akan mempunyai tanggungjawab undang-undang lain bagi tuntutan atau manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil ini.

18. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 18.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil takaful.
- 18.2 Kami boleh menggunakan sebarang amaun yang kami terhutang kepada anda (sebagai contoh manfaat) di bawah sijil takaful untuk membayar balik sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami (sebagai contoh sumbangan) di bawah sijil takaful.

19. Interpretasi

- 19.1 Di dalam kontrak ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:
- a) tajuk di dalam kontrak ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
 - b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
 - c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.
- 19.2 Setiap peruntukan kontrak ini adalah berasingan daripada satu sama lain. Jika mana-mana peruntukan tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan memberi kesan kepada peruntukan lain.

20. Notis tuntutan

- 20.1 Jika anda atau wakil anda yang sah membuat tuntutan, anda atau wakil anda yang sah hendaklah memberi notis kepada kami secara bertulis di ibu pejabat kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlakunya kejadian yang dilindungi.

21. Bukti tuntutan

- 21.1 Anda atau wakil anda yang sah perlu memberi bukti tuntutan anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diberi kepada kami. Anda atau wakil anda yang sah hendaklah membayar sebarang kos yang terlibat dalam proses ini.
- 21.2 Kami boleh meminta laporan perubatan atau bukti yang lebih lanjut.
- 21.3 Sebagai sebahagian daripada memberi kami bukti, kami mungkin memerlukan orang yang dilindungi diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang dilindungi sekiranya ini diperlukan.

22. Tax

- 22.1 Sumbangan dan amaun balasan bagi perkhidmatan berasaskan yuran adalah tidak termasuk apa-apa cukai perkhidmatan atau lain-lain cukai berkaitan yang boleh dikenakan di bawah sijil ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan semasa sebanyak 6%, dan lain-lain cukai barang dan perkhidmatan. Semua cukai sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini ataupun dilaksanakan selepas tarikh sijil berkuatkuasa akan dikenakan melalui invois pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

23. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

- 23.1 Sekiranya orang yang dilindungi mempunyai indicia Amerika Syarikat dan gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi kewajipan kontraktual, undang-undang atau kawal selia di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA), termasuk sebarang laporan kepada U.S. Internal Revenue Service (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan anda atau waris yang berkaitan dengan kontrak/sijil ini, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung akaun/sijil orang yang dilindungi, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil ini dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa keuntungan sekiranya penamatan tersebut berlaku.

LAMPIRAN GBFT004

Peruntukan dana

1. Akaun peserta

- 1.1 Kami akan memasukkan sumbangan, tolak yuran wakalah, untuk setiap orang yang dilindungi ke dalam akaun peserta.
- 1.2 Kami akan meletakkan potongan tabarru' bulanan untuk setiap orang yang dilindungi dari akaun peserta ke dalam dana tabarru' peserta.
- 1.3 Kami akan menguruskan aset akaun peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Shariah. Kami akan melabur aset dalam sekuriti dan aset yang patuh Shariah.
- 1.4 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset akaun peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan akaun tersebut.
- 1.5 Kami akan berkongsi keuntungan pelaburan dana ini seperti yang dinyatakan dalam lampiran kontrak ini. Keuntungan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan tidak terjamin.

2. Dana tabarru' peserta

- 2.1 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Shariah. Kami akan melabur aset dalam sekuriti dan aset yang patuh Shariah.
- 2.2 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.
- 2.3 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengaturkan qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard ini akan dibayar balik apabila terdapat keuntungan di dalam dana tabarru' peserta.
- 2.4 Kami akan berkongsi sebarang lebihan seperti yang dinyatakan dalam lampiran kontrak ini.

LAMPIRAN GBFT005

Sumbangan dan caj

1. Sumbangan

- 1.1 Sumbangan tunggal akan dibayar untuk perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi.
- 1.2 Kami berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan. Kami akan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk sekurang-kurangnya 90 hari sebelum ulang tahun kontrak untuk penyemakan semula sumbangan. Penyemakan semula sumbangan akan berkuatkuasa bagi sijil baru yang dikeluarkan selepas tamat tempoh notis.

2. Yuran wakalah

- 2.1 Kami akan mengambil yuran wakalah daripada sumbangan. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang dinyatakan di dalam lampiran kontrak.
- 2.2 Kami boleh mengubah peratusan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

3. Tabarru'

- 3.1 Kami akan mengambil tabarru' bulanan daripada akaun peserta dan memindahkan amaun ini ke dalam dana tabarru' peserta. Kadar untuk potongan tabarru' ini bergantung kepada:
 - a) Umur pada hari lahir terakhir (pada ulang tahun bulanan) orang yang dilindungi;
 - b) Risiko pekerjaan yang mereka lakukan;
 - c) Sebarang risiko kesihatan;
 - d) Jantina mereka; dan
 - e) Kategori pengunderaitan.
- 3.2 Kami akan mengambil potongan tabarru' untuk setiap manfaat takaful dengan mendarabkan kadar tabarru' yang berkuatkuasa bagi jumlah berisiko yang berkenaan.
- 3.3 Potongan tabarru' pertama perlu dibayar pada tarikh permulaan dan sebarang potongan seterusnya perlu dibayar pada ulang tahun bulanan yang berikutnya. Potongan tabarru' pertama adalah berdasarkan jumlah hari dari tarikh permulaan hingga ulang tahun bulanan berikutnya.
- 3.4 Kami boleh mengubah kadar tabarru' pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda dan kami telah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

4. Caj untuk meyerahkan sijil

- 4.1 Kami akan mengenakan caj seperti yang dinyatakan di dalam lampiran kontrak jika sijil diserahkan.

- 4.2 Caj ini boleh diubah pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

LAMPIRAN GBFT006

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi yang disebabkan oleh apa-apa sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, kami akan membayar jumlah yang berikut:
 - a) Jumlah berisiko untuk manfaat kematian pada tarikh kematian, daripada dana tabarru' peserta; dan
 - b) Nilai akaun peserta pada tarikh kematian.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami dari manfaat ini.
- 1.3 Sijil akan ditamatkan apabila orang yang dilindungi meninggal dunia.

2. Risiko yang tidak dilindungi

- 2.1 Kami hanya akan membayar nilai akaun peserta (jika ada) pada tarikh kematian, dan sijil akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:
 - a) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan bunuh diri (semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil; atau
 - b) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

3. Penamatan manfaat

- 3.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan terawal yang berikut:
 - a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini;
 - b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, sijil tidak akan tamat tetapi perlindungan kematian akan diteruskan;
 - c) Apabila orang yang dilindungi tidak lagi layak di bawah kontrak ini;
 - d) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - e) Setelah sijil diserahkan; atau
 - f) Setelah sijil dibatalkan.

LAMPIRAN GBFT007

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejezus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi, kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD yang disebabkan oleh apa-apa sebab selain daripada risiko yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah, kami akan membayar jumlah yang berikut:
 - a) Jumlah berisiko untuk manfaat TPD pada tarikh TPD bermula, daripada dana tabarru' peserta; dan
 - b) Nilai akaun peserta pada tarikh TPD bermula.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami dari manfaat ini.
- 1.3 Jumlah maksimum manfaat TPD dibayar kepada orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.4 Jika jumlah manfaat TPD yang dibayar adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful atas manfaat kematian akan diteruskan. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah yang mana manfaat TPD yang dibayar kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula. Ini akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.

2. Definisi hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 2.1 Untuk layak menuntut manfaat ini, 2 pemeriksa perubatan kami mestilah mempercayai bahawa hilang upaya yang dialami oleh orang yang dilindungi dalam definisi TPD seperti yang ditunjukkan di bawah:
 - 2.1.1 Untuk orang yang dilindungi yang bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri
Jika umur orang yang dilindungi di antara 18 dan 65 tahun, bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka telah hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan tugas, pekerjaan atau profesion yang mana mereka telah dilatih atau layak melakukan berdasarkan latihan, pendidikan atau pengalaman mereka. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan.
 - 2.1.2 Untuk orang yang dilindungi yang tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri
Jika umur orang yang dilindungi di antara 18 dan 65 tahun dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami menganggap TPD sebagai ketidakupayaan untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (sepagaimana dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan:

- a) Beralih – Bangun atau duduk dari kerusi tanpa bantuan;
- b) Bergerak – Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik yang lain tanpa bantuan;
- c) Membuang air – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semula jadi;
- d) Berpakaian – Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa bantuan;
- e) Mandi dan membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri dalam bilik mandi atau bilik air (termasuk masuk atau keluar dari bilik mandi atau bilik air) atau membersihkan dengan sebarang cara lain; atau
- f) Makan – Semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ia telah disediakan.

2.1.3 TPD untuk klausa ini juga merangkumi yang berikut:

- a) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- b) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki;
- c) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau
- d) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

3. Risiko yang tidak dilindungi

3.1 Kami tidak akan membayar manfaat sekiranya TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, atau akibat daripada yang berikut:

- a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- b) Berada di bawah pengaruh minuman keras, bahan yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;
- c) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri (semasa waras atau tidak waras);
- d) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;
- f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan; atau

- g) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

4. Notis tuntutan

- 4.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis:
 - a) di ibu pejabat kami;
 - b) semasa hayat orang yang dilindungi;
 - c) semasa ketidakupayaan orang yang dilindungi; dan
 - d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan ketidakupayaan.

5. Bukti ketidakupayaan

- 5.1 Anda mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini. Anda mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.
- 5.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 5.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kami boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.
- 5.4 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang dilindungi diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang dilindungi jika ini diperlukan.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:
 - a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, sijil tidak akan tamat tetapi perlindungan kematian akan diteruskan;
 - b) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
 - c) Apabila orang yang dilindungi tidak lagi layak di bawah kontrak ini;
 - d) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - e) Setelah sijil diserahkan;
 - f) Setelah sijil dibatalkan; atau
 - g) Pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi.

LAMPIRAN GBFT008

Peruntukan manfaat – Manfaat terakhir

1. Manfaat terakhir

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, jika orang yang dilindungi masih hidup sehingga akhir tempoh sijil, kami akan membayar nilai akaun peserta.
- 1.2 Apabila sijil tamat, kami tidak akan mempunyai tanggungjawab undang-undang di bawah kontrak ini.

LAMPIRAN GBFT009

Lampiran – Jadual yuran wakalah, caj dan perkongsian sebarang lebihan

1. Yuran wakalah

1.1 Yuran wakalah adalah seperti berikut:

Pembiayaan permulaan/ Jumlah pinjaman	Yuran wakalah (sebagai % daripada sumbangan)
RM350,000 and ke bawah	28.0%
RM350,000 ke atas	25.0%

2. Caj untuk menyerahkan sijil

2.1 Caj sebanyak RM50 atau nilai akaun peserta, yang mana lebih rendah.

3. Duti setem

3.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

4. Perkongsian lebihan daripada dana tabarru' peserta

4.1 Kami akan berkongsi sebarang lebihan tahunan dana tabarru' peserta yang kami isytiharkan seperti berikut:

Kami	-	50% daripada lebihan
Akaun peserta	-	50% daripada lebihan

5. Perkongsian keuntungan pelaburan daripada akaun peserta

5.1 Kami akan berkongsi sebarang keuntungan pelaburan akaun peserta seperti berikut:

Kami	-	10% daripada keuntungan pelaburan
Akaun peserta	-	90% daripada keuntungan pelaburan

LAMPIRAN GBFT010

Lampiran – Formula jumlah yang dilindungi yang berkurangan, sumbangan dan tabarru'

1. Formula jumlah yang dilindungi yang berkurangan

Jumlah yang dilindungi yang berkurangan (RSC) ini dikira berdasarkan formula yang berikut:

$$RSC_t = ISC \quad \text{untuk } t = 0, 1, 2, \dots, 12 \times dp$$

$$RSC_t = \frac{1 - v^{(12 \times n) - (t-1)}}{1 - v^{(12 \times pp)}} \times ISC \quad \text{untuk } p > 0; \text{ dan}$$

$$\text{untuk } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

$$RSC_t = \frac{(12 \times n) - t}{12 \times pp} \times ISC \quad \text{untuk } p = 0; \text{ dan}$$

$$\text{untuk } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

Yang mana,

ISC = jumlah permulaan yang dilindungi

$$v = \frac{1}{1 + \frac{p}{12}}$$

p = kadar keuntungan

dp = tempoh penangguhan

pp = tempoh pembayaran

n = $dp + pp$

t = tempoh dalam bulan (dikira dari tarikh permulaan sijil)

2. Formula sumbangan

2.1 Sumbangan tunggal = jumlah permulaan yang dilindungi x kadar sumbangan / 1,000

3. Formula tabarru'

3.1 Tabarru' (kematian) = kadar tabarru' (kematian) x jumlah berisiko untuk manfaat kematian

3.2 Tabarru' (TPD) = kadar tabarru' (TPD) x jumlah berisiko untuk manfaat TPD